

## **Kesan Pandemik COVID-19 Ke Atas Kesejahteraan Sosial Penduduk PPR Di Kuala Lumpur (The COVID-19 Pandemic's Impact on the Social Well-being of PPR Residents in Kuala Lumpur)**

Cheong Chong Chan\*, Ahmad Rizal Mazlan, Nor Pujawati Md Said & Ruzita Azmi

Universiti Utara Malaysia Kuala Lumpur Campus, 41-3, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [cheongchongchan@gmail.com](mailto:cheongchongchan@gmail.com)

**Abstrak:** Pandemik COVID-19 adalah satu fenomena baru yang tidak dijangka sehingga mengubah kesemua aspek kehidupan manusia ke norma baharu. Para penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terdiri daripada kelompok B40 dijangka mengalami kesukaran kehidupan seiring dengan gelombang perintah kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan berulang kali. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau kesan pandemik COVID-19 ke atas kesejahteraan sosial penduduk PPR. Seramai 1200 penduduk PPR telah mengisi borang soal selidik yang diedarkan samada secara fizikal mahupun secara atas talian. Sebanyak sembilan soalan digunakan untuk meneroka tahap kesejahteraan sosial dan kesemua soalan tersebut adalah diadaptasikan daripada dua set soal-selidik terpiawai iaitu *The Satisfaction with Life Scale (SWLS)* oleh Diener et al. (1985) dan *Perceived Stress Scale* oleh Cohen (1994). Ujian t berpasangan telah dilakukan untuk membuat perbandingan min bagi sembilan soalan tersebut untuk situasi sebelum dan selepas perintah kawalan pergerakan (PKP). Umumnya, kesejahteraan sosial penduduk PPR telah merosot secara signifikan. Antara kemerosotan ketara yang dikenalpasti adalah keadaan kehidupan, kepuasan tentang kehidupan dan rancangan kehidupan. Namun, analisis frekuensi menunjukkan bilangan penduduk yang menganggap gaya hidup mereka menghampiri idaman masing-masing adalah sangat sedikit tidak kira waktu sebelum PKP mahupun selepas PKP. Walaupun kesejahteraan sosial penduduk PPR merosot secara signifikan selepas PKP, gaya hidup mereka sebenarnya tidak berubah secara drastik. Selain itu, data kualitatif yang telah dikumpul daripada temubual kumpulan berfokus dengan wakil persatuan penduduk PPR menjelaskan bahawa para penduduk PPR sebenarnya biasa hidup dalam keadaan yang susah sejak sebelum berlakunya Pandemik COVID-19 lagi. Mereka didapati memiliki daya tahan tersendiri untuk berdepan dengan tahap kesejahteraan sosial yang merosot. Implikasi daripada penemuan kajian ini adalah segala perancangan dan bantuan kepada kelompok B40 perlu mengambil kira faktor daya tahan yang dimiliki oleh mereka yang sedang hidup dalam keadaan yang susah.

**Kata kunci:** Kesejahteraan sosial, Projek Perumahan Rakyat (PPR), COVID-19, daya tahan, tekanan

**Abstract:** The COVID-19 pandemic is an unexpected new phenomenon that has changed all aspects of human life to a new norm. Residents of the People's Housing Projects (PPR) consists of mainly the B40 group is expected to be experiencing hard life due to the enforcement of series of a movement control order. Hence, this study aims to explore the COVID-19 pandemic's impact on the social well-being of PPR residents. One thousand and two hundred PPR residents completed questionnaires distributed physically and online. The survey on social well-being adopted and adapted 9 items from two standardized instruments namely, *The Satisfaction with Life Scale (SWLS)* by Diener et al. (1985) and the *Perceived Stress Scale* by Cohen (1994). Paired sample t-test was conducted to compare the mean for each of the 9 items to assess the situation before and after the movement control order (MCO). In general, the social well-being of residents of PPR decreased significantly. Sharp decreases were identified in life conditions, life satisfaction, and life plan. However,

frequency analysis shows that residents' lifestyle remains fewer changes when comparing the situation before and after the MCO. No drastic changes were noticed in their lifestyle, even though they experienced a significant reduction in their overall social well-being. Besides, qualitative data was gathered from focus group interviews conducted with representatives of PPR resident associations. The data further explains that the PPR residents are used to living difficult life before the outbreak of the COVID-19 pandemic. They were found to have unique resilience to cope with their low social well-being. The implication of the findings implies that any effort to help the B40 group should consider the resilience factor of the people who have been living a difficult life.

**Keywords:** Social well-being, People's Housing Projects (PPR), COVID-19, resilience, stress

## Pengenalan

Masalah sosial adalah satu fenomena yang tidak boleh dielakkan di perumahan awam. Satu penjelasan yang agak dominan tentang masalah sosial di perumahan awam adalah Teori Ketidakaturan Sosial di mana insiden seperti pecah rumah adalah berpunca daripada ketidakurusan kawasan kejiranan yang dilanda kemiskinan (Mohd Pauzi, 2017). Ciri-ciri sosial seperti pendapatan rendah, pengangguran dan struktur keluarga ibu/bapa tunggal telah lama didapati mempunyai hubungan dengan masalah jenayah dan kerisauan tentang aktiviti jenayah di perumahan awam (Rohe & Burby, 1988). Kajian perumahan awam di Amerika Syarikat menunjukkan jenis blok bangunan tinggi, ketidakteraturan, integrasi, jantina dan pekerjaan merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi ketakutan penghuni mengenai aktiviti jenayah (DeLone, 2008). Penghuni lelaki dan penghuni yang bekerja kurang mengalami perasaan takut berbanding penghuni perempuan dan penghuni yang tidak bekerja (DeLone, 2008). Malah didapati ketakutan dengan jenayah dikesan dalam kalangan dua kelompok penghuni di blok bangunan tinggi iaitu warga emas dan penghuni yang tinggal di kawasan campuran pelbagai lapisan usia (DeLone, 2008).

Sebaliknya, persekitaran yang kondusif berupaya memberi kehidupan yang berkualiti kepada para penduduk walaupun dalam konteks perumahan awam. Kajian klasik oleh Coley, Sullivan dan Kuo (1997) mencadangkan landskap semulajadi dan penanaman pokok boleh mengupayakan lebih banyak peluang untuk bersosial dan meningkatkan amalan pemantauan kanak-kanak di kawasan perumahan miskin bandar. Tidak semua perumahan awam adalah dikaitkan dengan elemen yang negatif sepertimana yang dipercayai umum. Kajian Currie dan Yelowitz (2000) mendapati projek perumahan awam tidak semestinya menjelaskan kepentingan kanak-kanak yang terpaksa duduk dalam bangunan yang padat dengan penghuni, sebaliknya ia memberi kesan positif kepada kualiti perumahan dan pencapaian akademik kanak-kanak.

Penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur adalah kumpulan sasaran pembasmian kemiskinan bandar. Dilaporkan kira-kira 50% daripada 42,000 penyewa PPR dan Perumahan Awam (PA) memperolehi pendapatan bulanan di bawah RM1,000 (Suhaimi, 2020). Tidak dapat dinafikan bahawa PPR adalah satu polisi yang berjaya menyediakan tempat tinggal yang merupakan keperluan asas kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Namun, kawasan PPR seringkali dikaitkan dengan masalah sosial yang menjadi sensasi di paparan media masa. Antaranya dalam satu laporan pada tahun 2018, 58% PPR di Kuala Lumpur diklasifikasi sebagai zon merah yang berisiko tinggi dengan penagihan dadah mengikut data Agensi Antidadah Kebangsaan (Bernama, 2018). Selain daripada masalah penyalahgunaan dadah, aktiviti mencuri motor, bergaduh dan kecurian adalah tiga jenayah yang sering dilaporkan di kawasan PPR mengikut Ketua Polis Kuala Lumpur (Mokhtar, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Ezhar, Jusang, Zamre dan Mohammad Rezal (2008) terhadap 397 orang belia yang tinggal di kawasan Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur mendapati budaya lepak, keluar sehingga larut malam dan merokok adalah tiga masalah sosial teratas yang sering dikaitkan dengan golongan muda yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar. Gejala negatif seumpama ini telah banyak memberi satu imej yang buruk kepada penghuni di PPR.

Umumnya diketahui bahawa mendiami kawasan kejiranan yang kondusif mampu meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan hidup penduduk (Abdul Ghani & Nurwati, 2012). Tambahan pula, hubungan kejiranan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan pemahaman tentang perasaan hormat-menghormati

sesama penghuni (Forrest & Kearns, 2001). Hubungan sosial yang terjalin antara anggota komuniti kejiranan dapat diperkuuh menerusi kewujudan jawatankuasa penduduk yang berperanan instrumental untuk menggerakkan penghuni dalam bentuk interaksi dan hubungan sosial yang lebih kerap (Sidai & Kang, 2016). Kewasan kejiranan yang kondusif, hormat-menghormati dalam kalangan penghuni dan jawatankuasa penduduk yang berfungsi adalah antara faktor-faktor kejayaan kesejahteraan yang sedang dan telah pun diusahakan oleh pelbagai pihak seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Chow Kit dan seumpamanya ke atas penghuni PPR.

Kini, pandemik COVID-19 telah membawa perubahan yang drastik kepada ketamadunan manusia dari segi pengaplikasian teknologi maklumat. Tanpa disedari, dalam tempoh dua tahun yang dipenuhi dengan pelbagai siri dan jenis kawalan pergerakan, kanak-kanak dan warga kerja terpaksa memahirkan diri dengan pelbagai gajet dan aplikasi untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Tidak dinafikan, pandemik COVID-19 memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat. Laporan media tidak pernah kurang daripada bahan berita yang memaparkan keperitan kehidupan semasa pandemik sehingga ada individu yang memilih bunuh diri selepas kehilangan kerja (The Star, 2020). Bermula daripada bulan Mac 2020 sehingga Ogos 2021, direkodkan berlakunya sebanyak 411 kes bunuh diri (Parzi, 2021). Dilaporkan juga insiden keganasan rumah tangga telah meningkat 8% sejak pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang pertama jika dibanding dengan tahun 2019 (Abu Bakar, 2021). Begitu juga wujudnya pergerakan kibar bendera putih apabila isi rumah hadapi masalah putus bekalan makanan (Nasir, 2021). Dengan andaian, kumpulan penduduk PPR adalah satu kumpulan yang telah lama bergelumang dengan kemiskinan bandar dan masalah sosial sebelum datangnya pandemik COVID-19. Mengikutkan rekod, banyak kes COVID-19 dilaporkan di PPR dan menjadikan sesetengah PPR dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) (Sinar Harian, 2021). Maka, kehadiran COVID-19 dijangkakan telah menjelaskan kesejahteraan sosial penduduk PPR ke satu tahap yang lebih membimbangkan.

Atas kesedaran tentang ancaman pandemik COVID-19 ke atas kehidupan penduduk PPR, pelbagai pihak seperti badan kerajaan dan badan bukan kerajaan telah menampilkan diri untuk membantu. Pada permulaan pandemik COVID-19, Menteri Wilayah Persekutuan telah meluluskan peruntukan wang RM100 disalurkan terus kepada para penyewa PPR bagi mengantikan paket bantuan makanan (Abdul Karim, 2020). Agensi kerajaan yang bukan bersifat kebajikan turut serta menyumbang kepada penduduk PPR. Antaranya, Jabatan Belia dan Sukan Kuala Lumpur telah melakukan program bantuan COVID-19 3.0 di sebuah PPR di Kuala Lumpur dengan menyumbangkan barang dapur (Zainudin, 2021). Badan bukan kerajaan seperti Yayasan Wilayah Persekutuan tampil untuk menolong bekas pesakit COVID-19 kategori 5 di PPR (Yayasan Wilayah Persekutuan, n.d.). Majlis Amanah Rakyat (MARA) melancarkan program pembangunan pendidikan PPR untuk membantu dan membimbing anak-anak PPR dari segi akademik (eWarta MARA, 2021). Pertubuhan Kasih Neelofa dengan kerjasama PERKESO dan Hospital KPJ telah menyalurkan makanan asas kepada 166 orang kurang upaya yang tinggal di sebuah PPR Kuala Lumpur (Abdul Karim, 2021). Banyak lagi agensi dan pertubuhan telah melakukan aktiviti bantuan dan sumbangan seumpamanya di PPR samada dilaporkan atau tidak dilaporkan secara rasmi oleh media.

Berdasarkan laporan-laporan media yang dipaparkan di atas, dapat disimpulkan bahawa kebarangkalian peluang untuk penduduk PPR menerima bantuan daripada pelbagai pihak adalah lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak tinggal di PPR. Bukan sahaja bantuan yang diterima adalah banyak, tetapi bantuan yang diisampaikan adalah secara terancang dan sistematik agar aspek keperluan asas mereka adalah terjamin. Dalam suasana masyarakat bertungkus rumus untuk membantu golongan yang memerlukan, dilaporkan oleh netizen media sosial bahawa berlakunya sumbangan bakul makanan yang ditemui telah dibuang ke dalam tong sampah (Daily Makan, 2021; Jaafar, 2021). Insiden ini tidak berlaku di mana-mana PPR dan insiden terpencil ini memberi maksud tersirat bahawa bukan semua orang memerlukan bantuan, bukan semua orang senantiasa memerlukan bantuan dan bantuan perlu disampaikan kepada tangan yang benar-benar memerlukan. Oleh itu, dengan segala bantuan dan tumpuan daripada pelbagai pihak terutamanya peranan yang dimainkan oleh persatuan penduduk masing-masing, kesejahteraan sosial penduduk PPR mungkin tidak seteruk yang disangka. Kesan pandemik COVID-19 ke atas kesejahteraan sosial penduduk PPR wajar dikaji agar segala bantuan dan sumbangan daripada pihak luar sejarah kepada status dan keperluan penduduk PPR.

## Metodologi

Satu kajian tinjauan menerusi pendekatan kuantitatif telah dilakukan ke atas ketua isi rumah atau wakil isi rumah yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur. Kajian ini meneroka lima aspek kesejahteraan kehidupan iaitu kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan gaya hidup, kesejahteraan komuniti dan kesejahteraan infrastuktur. Kertas kerja ini hanya melaporkan hasil kajian berkenaan kesejahteraan sosial. Borang soal-selidik diedarkan bermula dari bulan September 2020 sehingga September 2021 iaitu selama setahun. Pengedaran borang soal-selidik ini dilakukan secara fizikal dan juga secara atas talian dengan bantuan daripada pegawai pihak berkuasa tempatan. Proses pengumpulan data ini memakan masa yang agak lama disebabkan keadaan yang tidak menentu pada tempoh tersebut yang dikuatkuasa dengan pelbagai jenis kawalan pergerakan di Kuala Lumpur. Seramai 1200 ketua isi rumah atau wakil isi rumah telah melengkapkan borang soal-selidik majoriti secara atas talian dengan sejumlah kecil mengisi cetakan borang soal-selidik yang diberikan secara fizikal. Kesemua penyertaan adalah secara sukarela dan tidak ada unsur pengaruh atau paksaan yang mungkin berbangkit daripada bantuan pihak berkuasa tempatan.

Kesejahteraan sosial diukur dengan berpandukan dua borang soal-selidik terpiawai iaitu *The Satisfaction with Life Scale* (SWLS) oleh Diener et al. (1985) dan *Perceived Stress Scale* oleh (Cohen, 1994). Sebanyak sembilan soalan yang bersesuaian telah dipilih dan telah diuji kaji di dalam sebuah kajian rintis yang dilakukan secara fizikal dengan 46 wakil penduduk di empat buah PPR. Kajian rintis ini dijalankan sewaktu pembukaan negara sementara selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP1.0) yang pertama. Empat puluh enam responden tersebut telah diedarkan borang soal-selidik secara fizikal dan mereka diberi peluang untuk membuat pertanyaan dan dibantu oleh para penyelidik. Hasil interaksi antara responden and penyelidik dalam pengisian borang soal-selidik telah memberi input yang sangat berharga tentang persempahan sembilan soalan tersebut.

Menyedari keperluan piawaian dan tujuan asal ukuran kedua-dua borang soal-selidik tersebut, setiap daripada sembilan soalan yang dipilih untuk kajian ini telah dianalisis secara berasingan berdasarkan min skor. Pilihan jawapan untuk sembilan soalan itu telah diubahsuai kepada skala likert lima mata. Ujian t berpasangan dilakukan untuk membandingkan jawapan responden untuk setiap soalan bagi situasi sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan selepas Perintah Kawalan Pergerakan yang membawa maksud kesejahteraan sosial mereka sebelum terjadinya pandemik COVID-19 dan selepas berlakunya pandemik COVID-19.

Jadual 1. Ujian ketekalan dalaman untuk sembilan (9) item kesejahteraan sosial

<b>Kesejahteraan Sosial</b>	<b>n</b>	<b>Sebelum PKP (<math>\alpha</math>)</b>	<b>Selepas PKP (<math>\alpha</math>)</b>
Sembilan (9) Item	30	0.925	0.943
Sembilan (9) Item	1,200	0.871	0.887

Sumber: Data Kajian (2021)

Jadual 1 menunjukkan ujian kebolehpercayaan yang telah dilakukan ke atas sembilan soalan tersebut untuk jawapan yang diberikan mengenai keadaan sebelum dan selepas PKP. Kesemua nilai Cronbach Alpha melebihi 0.8 baik untuk 30 responden yang pertama mahupun untuk kesemua 1,200 responden yang telah menyertai kajian ini melalui teknik persampelan mudah bukan kebarangkalian. Kajian ini tidak menetapkan sampel saiz yang spesifik di mana semua ketua atau wakil isi rumah daripada 32 PPR telah dijemput untuk menyertai kajian ini.

Selain daripada pengedaran borang soal-selidik, pendekatan kualitatif iaitu empat sesi temubual kumpulan berfokus telah dijalankan bersama Pengerusi atau wakil persatuan penduduk. Pengerusi atau wakil persatuan penduduk adalah dijemput adalah disebabkan mereka adalah individu yang paling aktif dan tahu tentang situasi kediaman PPR yang diwakili. Seramai 24 pengerusi atau wakil penduduk telah menyertai sesi-sesi tersebut yang berlangsung dari bulan Julai sehingga Oktober tahun 2021. Mereka telah diberi ruangan untuk mengutarkan dan membincangkan sebarang isu yang melanda PPR masing-masing baik sebelum dan

selepas terjadinya pandemik COVID-19. Kesemua sesi tersebut telah dirakam secara audio dengan kebenaran, dan identiti mereka dirahsiakan dan tidak didedahkan mahupun dikongsikan kepada pihak berkuasa tempatan yang merupakan penaja utama kajian ini. Penyertaan adalah secara sukarela dan tidak ada sebarang implikasi yang berlaku kepada mana-mana Pengurus atau wakil persatuan apabila mereka tidak menghadiri mana-mana sesi jemputan temubual kumpulan berfokus.

## Hasil Kajian

Seramai 1,200 ketua isi rumah atau wakil isi rumah telah menyertai kajian tinjauan yang dilakukan. Majoriti mereka terdiri daripada golongan B40 mengikut tafsiran Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM4,360 (Haron, 2020).

Jadual 2. Latarbelakang penduduk PPR

<b>Latarbelakang</b>		<b>n= 1,200</b>
Jantina	Lelaki	67.4%
	Perempuan	32.6%
Umur	61 tahun dan ke atas	7.6%
	51 – 60 tahun	35.0%
	41 – 50 tahun	36.7%
	30 – 40 tahun	18.5%
	Bawah 30 tahun	2.2%
Bangsa	Melayu	81.3%
	Cina	11.5%
	India	7.1%
Status Perkahwinan	Kahwin	82.7%
	Cerai	13.1%
	Belum berkahwin	4.2%
Pendidikan	Universiti/Kolej/Institut	13.5%
	SPM	54.8%
	Menengah bawah	22.8%
	Sekolah rendah	6.8%
	Tiada Pendidikan formal	2.1%
Pendapatan	Bawah RM1,000	11.8%
	RM1,000 – RM 1,499	15.1%
	RM1,500 – RM 1,999	22.2%
	RM2,000 – RM 2,500	30%
	Lebih RM2,500	20.9%

Sumber: Data Kajian (2021)

Jadual 2 menunjukkan sebanyak 79.1% daripada responden memperolehi pendapatan isi rumah di bawah RM2,500. Bilangan yang kurang daripada RM1,000 adalah sebanyak 11.8%. Majoriti responden adalah lelaki, berumur 41 tahun dan ke atas, Melayu dan telah berkahwin. Lebih separuh daripada mereka memiliki kelayakan SPM.

Jadual 3. Sembilan soalan mengenai kesejahteraan sosial


Item	Sebelum PKP (min)	Selepas PKP (min)	t	Perbezaan Min
Dalam kebanyakan gaya hidup saya, ia menghampiri apa yang saya idamkan.	2.72	2.08	17.33	0.64
Keadaan kehidupan saya sangat baik.	3.12	2.33	21.41	0.79
Saya berpuas hati dengan hidup saya.	3.25	2.43	19.68	0.82
Setakat ini saya memperolehi perkara yang penting yang saya inginkan dalam hidup.	3.12	2.38	18.76	0.74
Sekiranya saya diberi peluang untuk kali kedua saya tidak akan mengubah apa-apa dalam hidup saya.	2.82	2.27	13.38	0.55
Saya mampu mengawal isu-isu penting dalam hidup saya.	3.35	2.60	18.02	0.65
Saya yakin tentang kemampuan saya untuk menangani masalah-masalah peribadi saya.	3.41	2.65	18.63	0.76
Saya merasa bahawa semuanya berjalan mengikut rancangan saya.	3.18	2.28	20.09	0.9
Saya merasa kesulitan yang semakin bertambah sehingga saya tidak mampu menanganiinya*	2.70	3.24	-9.64	-0.54

\*item dalam pernyataan negatif

Sumber: Data Kajian (2021)

Secara keseluruhan, para responden kajian iaitu 1,200 orang daripada 32 PPR mengalami kemerosotan yang signifikan untuk kesemua sembilan soalan yang disenaraikan di jadual 3. Berdasarkan ujian t berpasangan, kesemua kemerosotan adalah secara signifikan dengan nilai  $p < .05$ . Ini menunjukkan pandemik COVID-19 sememangnya memberi implikasi negatif kepada semua responden yang menghuni di PPR. Dari segi min, tidak ada soalan yang merekodkan nilai di paras 3 dan ke atas selepas berlakunya PKP. Ini tidak mengambil kira soalan ke sembilan yang merupakan soalan pernyataan negatif.


Kemerosotan kesejahteraan sosial yang paling ketara direkodkan adalah pada soalan “Saya merasa bahawa semuanya berjalan mengikut rancangan saya” dengan penurunan skor setinggi 0.9. Sebelum melandanya pandemik COVID-19 mereka masih beranggap neutral tentang perancangan hidup mereka, tetapi sejurus berlakunya PKP, mereka terus berasa hilang kawalan ke atas segala perancangan yang ada. Kepuasan terhadap kehidupan juga terus merundun selepas PKP dengan penurunan sebanyak 0.82 ke arah yang negatif. Begitu juga dengan penurunan setinggi 0.79 bagi keadaan kehidupan mereka di mana selepas PKP, masing-masing merasakan tidak setuju dengan kenyataan keadaan kehidupan adalah sangat baik.



Rajah 1. Perubahan gaya hidup sebelum dan selepas berlakunya PKP

Sumber: Data Kajian (2021)

Gaya hidup para responden telah merosot dan tidak lagi menghampiri apa yang mereka inginkan selepas berlaku PKP. Namun analisis frekuensi ke atas soalan ini memaparkan satu penemuan yang menarik. Rajah 1 menunjukkan frekuensi jawapan untuk soalan gaya hidup. 71.7% penduduk tidak setuju atau sangat tidak setuju gaya hidup yang dimiliki oleh mereka sekarang adalah idaman mereka selepas berlakunya PKP. Peratusan ini meningkat berbanding sebelum PKP, di mana waktu itu hanya 33.1% berpendapat sedemikian dan setinggi 46.7% berpendirian berkecuali. Walapun bilangan responden yang setuju dan sangat setuju merosot selepas PKP, didapati bilangan yang sebenarnya setuju dan sangat setuju sebelum berlakunya PKP adalah amat sedikit. Tidak kira waktu sebelum PKP mahupun selepas PKP, bilangan penduduk yang menganggap gaya hidup menghampiri idaman masing-masing adalah sangat sedikit.



Rajah 2. Pernyataan negatif tentang kesulitan yang tidak dapat ditangani.

Sumber: Data Kajian (2021)

Soalan terakhir yang merupakan pernyataan negatif jelas menunjukkan peningkatan bilangan yang menyatakan setuju dan sangat setuju selepas berlakunya PKP (Rajah 2). Makin ramai responden kajian tidak mampu menangani kesulitan yang semakin bertambah dalam kehidupan mereka selepas dilanda pandemik COVID-19 di mana pendirian setuju bertambah dari 15% ke 33.6% dan sangat setuju dari 4% ke 9.1%. Walaubagaimana pun, bilangan penduduk yang mengambil pendirian berkecuali adalah tidak beza secara ketara sebelum PKP iaitu 35% dan selepas PKP iaitu 30.6%. Yang mengejutkan, bilangan penduduk yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini juga merekodkan peningkatan selepas PKP iaitu daripada 4% ke 7.2%. Bermakna, ada sejumlah 3.2% menganggap kesulitan kehidupan mereka telah berkurangan selepas berlangsungnya PKP. Ini menyokong lagi penjelasan bahawa kehidupan penduduk sebelum PKP sememangnya sudah pun menyulitkan. Melandanya COVID-19 hanya sekadar menambahkan lagi kesulitan yang sedia ada.

Berdasarkan analisis kuantitatif yang dilakukan, adalah jelas bahawa kemerosotan kesejahteraan sosial penduduk PPR tidak boleh hanya disimpulkan sebagai penurunan yang mutlak selepas PKP. Statistik yang dilaporkan menunjukkan ada kelainan dari segi penurunan yang dipamerkan di mana dari segi gaya hidup dan kesulitan, kemerosotan yang dialami oleh penduduk PPR sebenarnya tidak sangat ketara sebelum dan selepas terjadinya pandemik COVID-19. Untuk mengetahui lebih lanjut kesahihan kenyataan ini, data kualitatif yang dikumpul daripada empat sesi kumpulan temubual berfokus telah dianalisis.

Analisis tema telah dilakukan ke atas kesemua naratif yang dikumpul dan salah satu tema yang dikenalpasti adalah “Biasa hidup susah”. Salah seorang penduduk menyatakan sudah terbiasa dengan keadaan hidup yang susah dimana apa yang dimakan, kenderaan yang digunakan dan jenis rumah yang didiami tidak menjadi isu yang penduduk begitu terkesan sehingga ada rasa untuk bunuh diri sebelum atau selepas PKP. Walaupun pandemik COVID-19 sangat membebankan tetapi bagi penduduk PPR ia tidak memberikan tekanan yang tidak tertanggung kerana kebanyakan mereka sudah sedia susah. Apa yang mereka ada cukup untuk meneruskan kelangsungan hidup. En Dino (nama samara) berpendapat:

*“Pasal, saya rasa bunuh diri ini disebabkan dia orang tak sanggup menghadapi kesusahan. Macam kita orang, misalannya, dah susah tu, dah biasa. Arr, tapi kalau dia dah biasa senang, ada kereta besar, bila kereta kena tarik, rumah nak kena tarik, arr tu mungkin bunuh diri.”*

(Informan D, Lelaki, Umur Tidak Kenalpasti)

Beliau menjelaskan bahawa kehidupan susah yang biasa dialami oleh penduduk PPR tidak akan alami krisis ekonomi seperti terpaksa ikat perut, kereta dan rumah kena dilelong oleh bank sehingga rasa hendak membunuh diri,

*“Kalau dia dah biasa, arr tapi kalau dah biasa makan, arr macam makan sedap kemudian kena makan sardin, kereta besar kena tarik, rumah dah beli rumah besar nak, nak kena lelong, arr... kena bunuh dirilah”.*

(Informan D, Lelaki, Umur Tidak Kenalpasti)

Selain itu pengurus persatuan penduduk yang ditemubual juga menyatakan bahawa kebanyakan penduduk mempunyai pekerjaan yang menghasilkan pendapatan bulanan. Walau bagaimana pun pendapatan tersebut tidak tinggi dan mereka boleh dikategorikan sebagai golongan B40. Dalam memberikan pendapat mengenai penduduk di PPR, En Roy (nama samara) berkata,

*“Saya tengok betul saya pun kadang tertengok juga life dia cara dia hidup tak adalah orang kata sampai nak kena pergi bendera putih kena pergi minta minta itu minta sana minta sini kan”.*

(Informan R, Lelaki, Umur Tidak Kenalpasti)

Mengulas lanjut, beliau menekankan bahawa gaya hidup golongan penduduk PPR tidak boleh dibandingkan dengan golongan M40 dan T20 yang biasa berhutang besar dan terjejas teruk dengan krisis ekonomi yang melanda akibat daripada pandemik COVID-19.

*“Kita cukup bagi kita, kita boleh ada makan kita boleh ada minum kita boleh ada pakaian kita tak payah stress sebab kita tak akan ada orang yang duduk di PPR ni dia tak ada hutang berpuluhan ribu berjuta”.*

(Informan R, Lelaki, Umur Tidak Kenalpasti)

## Perbincangan

Dapatkan kajian daripada borang soal-selidik dan temubual berkumpulan fokus menjelaskan bahawa kesejahteraan sosial para penduduk PPR adalah merosot secara signifikan selepas melandanya pandemik COVID-19. Ini adalah penemuan yang tidak boleh dinafikan dan selari dengan situasi semasa yang boleh ditemui dalam mana-mana laporan media. Namun, kajian mendapati wujud satu kekuatan pada golongan penduduk PPR yang mungkin sering diabaikan sekiranya kita hanya melihat kepada paparan statistik tanpa melakukan penelitian yang mendalam.

Dalam era endemik COVID-19, boleh dikatakan semua orang terkesan dengan tempias wabak ini sehingga ada yang hilang kerja dan sebagainya. Mod kehidupan manusia mengalami satu revolusi yang besar di mana semua pihak telah diminta untuk belajar untuk hidup susah dan perkara ini telah dan sedang berlaku di mana-mana memandangkan pandemik adalah perkara global yang tidak boleh dielakkan. Namun, golongan penduduk PPR adalah kumpulan yang boleh dikatakan memiliki tahap daya ketahanan yang tinggi kerana mereka sudah biasa hidup susah sebelum berlakunya COVID-19. Semangat dan pengalaman mereka dalam menangani kehidupan yang susah ini merupakan satu bahan pengajaran yang amat berharga kepada kelompok masyarakat lain yang biasa hidup senang. Perkara ini sekiranya dapat didokumentasikan dan dianalisis dengan lebih lanjut, ia mampu menjana idea-idea baru yang boleh membantu semua pihak untuk mendepani kehidupan yang susah.

Banyak bantuan telah disalurkan kepada penduduk PPR. Sehingga hari ini, masih tidak dijumpai kajian empirikal tentang keberkesanan bantuan yang telah dsalurkan kepada mereka. Reka bentuk dan sistem penyaluran bantuan dan kandungan bantuan yang diberikan sewajarnya mengambil kira mereka adalah golongan yang biasa hidup susah. Ini tidak bermakna bantuan yang disalurkan semata-mata untuk mereka terus terperangkap dalam kancang kemiskinan bandar dan terus hidup susah. Daya tahan mereka yang mampu teruskan kehidupan dalam keadaan yang susah semasa pandemik ataupun sebelum pandemik, seeloknya diberi tumpuan khusus dalam membuat sebarang perancangan penyampaian bantuan agar kefungsian sosial dan kualiti kehidupan penduduk PPR dapat diperkembangkan. Daya tahan itu adalah satu sumber kekuatan yang perlu dimanfaatkan dan dijadikan contoh rujukan kepada masyarakat di luar yang terganggu gugat dengan kesan-kesan pandemik. Bermakna, daya tahan masyarakat di luar iaitu golongan M40 mahupun T20 adalah satu fokus yang perlu diterokai oleh mana-mana pihak yang ingin membantu atau melakar apa-apa polisi bantuan yang baru. Sebarang penyaluran bantuan tanpa memahami konteks daya tahan kumpulan Sasaran yang ingin dibantu, akan menemui ketidakcekapan dan mungkin kegagalan.

## Kesimpulan

Majoriti penduduk PPR yang menyertai kajian tinjauan yang dilakukan menzahirkan bahawa kesejahteraan sosial mereka telah merosot secara signifikan terutamanya dari segi keadaan kehidupan, kepuasan tentang kehidupan dan rancangan kehidupan. Namun ini tidak berlaku pada gaya hidup mereka yang didapati tidak mengalami perubahan yang drastik. Kemerosotan kesejahteraan sosial bukan satu perkara yang sangat menyukarkan bagi mereka kerana ramai di antara mereka sudah biasa hidup dalam keadaan yang susah sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Mereka didapati memiliki satu kekuatan yang tersendiri iaitu daya tahan yang mampu mendepani kesusahan yang melanda dalam kehidupan mereka. Ini adalah satu dimensi penting yang perlu diterokai oleh para pemegang taruh dalam membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan bandar dan mengenalpasti idea-idea baru yang boleh membantu masyarakat umum dalam menghadapi kehidupan yang susah dalam era endemic COVID-19 ini. Secara khususnya, faktor daya tahan dan biasa hidup susah perlu diambil kira oleh pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam segala perancangan dan bantuan untuk memperbaiki kesejahteraan sosial para penduduk PPR.

Akhir kata, bukan tujuan untuk disarankan agar semua orang perlu hidup susah untuk mendepani cabaran masa depan yang tidak menentu. Sistem penyampaian bantuan kepada mereka yang hidup susah perlu

berlandaskan keunikan daya tahan mereka dan bukannya berlandaskan tahap daya tahan golongan umum yang biasa hidup senang. Begitu juga untuk golongan umum yang biasa hidup senang, keunikan daya tahan mereka perlu difahami terlebih dahulu sebelum apa-apa intervensi dilakukan. Tiada satu pendekatan yang sama yang boleh digunakan kepada kumpulan-kumpulan manusia yang memiliki tahap daya tahan yang berlainan. Lebih banyak masa dan usaha wajar digunakan untuk benar-benar memahami golongan yang ingin dibantu berbanding dengan amalan budaya yang terus membantu dan membantu yang tidak semestinya nampak hala tuju keberhasilannya.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan kepada wakil penduduk daripada 32 PPR di Kuala Lumpur yang telah menyertai kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada para pegawai yang menjaga zon PPR dan wakil persatuan penduduk PPR dalam pertolongan mereka untuk mengedarkan borang soal-selidik. Kertas kerja ini ditulis berlandaskan sebuah penyelidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Nombor Grant Kod SO: 14614.

**Kelulusan Etika:** Rekabentuk kajian dan kaedah pengumpulan data telah memperolehi kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Persetujuan termaklum telah diperolehi daripada setiap responden yang mengisi borang soal-selidik yang diedarkan secara fizikal mahupun secara atas talian. Persetujuan termaklum juga telah diperolehi daripada pengerusi dan wakil persatuan penduduk PPR sebelum sesi temubual kumpulan berfokus dimulakan.

**Konflik Kepentingan:** Kami pengarang mengaku bahawa tidak berlaku apa-apa konflik kepentingan dalam kajian dan penulisan yang telah dilakukan.

## Rujukan

- Abdul Ghani, S., & Nurwati, B. (2012). Quality of life of residents in urban neighbourhoods of Pulau Pinang, Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries*, 17(2), 117-123.
- Abdul Karim, L. A. (2020, Mac 26). COVID-19: 'RM100 terus ke akaun penyewa, penghuni PPR'. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669529/covid-19-rm100-terus-ke-akaun-penyewa-penghuni-ppr>
- Abdul Karim, M. A. F. (2021, Julai 23). Pertubuhan kasih Neelofa agih bantuan kepada OKU di PPR Desa Rejang. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/pertubuhan-kasih-neelofa-agih-bantuan-kepada-oku-di-ppr-desa-rejang/>
- Abu Bakar, J. M. (2021, Jun 1). Keganasan rumah tangga meningkat sepanjang pandemik. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/keganasan-rumah-tangga-meningkat-sepanjang-pandemik/>
- Bernama. (2018, November 8). 58% PPR dan PA di KL jadi lokasi paling berisiko tinggi penagihan dadah. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/450856>.
- Cohen, S. (1994). *Perceived stress scale*. <http://www.mindgarden.com/documents/PerceivedStressScale.pdf>
- Coley, R. L., Sullivan, W. C., & Kuo, F. E. (1997). Where does community grow?: The social context created by nature in urban public housing. *Environment and Behavior*, 29(4), 468-494. <https://doi.org/10.1177/001391659702900402>
- Currie, J., & Yelowitz, A. (2000). Are public housing projects good for kids? *Journal of Public Economics*, 75(1), 99-124. [https://doi.org/10.1016/S0047-2727\(99\)00065-1](https://doi.org/10.1016/S0047-2727(99)00065-1)
- Daily Makan. (2021, Julai 23). Sungguh mengecewakan, sumbangan bakul makanan dibuang penerima ke tong sampah! *Daily Makan*. <https://dailymakan.com/sumbangan-bakul-makanan-dibuang-ke-tong-sampah/44602/>
- DeLone, G. J. (2008). Public housing and the fear of crime. *Journal of Crime Justice*, 36, 115-125. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2008.02.003>

- Diener, E., Emmons, R. A., Larsen, R. J., & Griffin, S. (1985). The Satisfaction with Life Scale. *Journal of Personality Assessment*, 49, 71-75.
- eWarta MARA (2021, November 16). Bantu anak PPR melalui program pembangunan pendidikan. *eWarta MARA*. <https://ewarta.mara.gov.my/2021/11/16/bantu-anak-ppr-melalui-program-pembangunan-pendidikan%EF%BF%BC/>
- Ezhar, T., Jusang, B., Fadzil Imran, I., Zamre, Y., & Muhammad Rezal, H. (2008) Faktor penglibatan remaja daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1, 165-182.
- Forrest, R. & Kearns, A. (2001). Social cohesion, social capital and the neighbourhood. *Urban Studies*, 38(12), 2125–2143.
- Haron, S. (2020). Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah M40 dan B40 mengikut negeri. *Newsletter Department of Statistic, Malaysia, BPHPP, 3.2020/Siri 28*. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPHPP\\_3-2020\\_Siri\\_28.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPHPP_3-2020_Siri_28.pdf)
- Jaafar, N. (2021, Julai 22). Sumbangan bakul makanan 'dihumban' ke tong sampah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/151256/edisi/sumbangan-bakul-makanan-dihumban-ke-tongsampah>
- Mohd Pauzi, H. (2017). Konsistensi matlamat dan objektif program perumahan kos rendah dengan keperluan perumahan kumpulan sasar. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 87-110.
- Mokhtar, N. A. (2020, Januari 11). Polis KL santuni penduduk PPR dan PA, kurangkan 'fear of crime'. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/645871/polis-kl-santuni-penduduk-ppr-dan-pa-kurangkan-fear-crime>
- Nasir, M. M. (2021, Jun 29). 'Kibar bendera putih supaya kami tahu'. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/724075/kibar-bendera-putih-supaya-kami-tahu>
- Parzi, M. N. (2021, September 20). '1,578 keganasan rumah tangga sepanjang pandemik COVID-19' – Rina. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866366/1578-keganasan-rumah-tangga-sepanjang-pandemik-covid-19-rina>
- Rohe, W. M., & Burby, R. J. (1988). Fear of crime in public housing. *Environment and Behavior*, 20(6), 700-720.
- Sidal, A., & Kang, O. S. (2016). Kesejahteraan sosial dalam kehidupan bandar: Perspektif penghuni kejiranan berpengawal. *Sarjana*, 31(1) 55-69.
- Sinar Harian (2021, Oktober 18). Kerajaan wajar tambah jumlah Bantuan Khas COVID-19. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/167604/KHAS/Covid-19/Kerajaan-wajar-tambah-jumlah-Bantuan-Khas-Covid-19>
- Suhaimi, F. (2020, Mac 19). COVID-19: DBKL disaran perluas bantuan kepada penghuni Perumahan Awam, PPR. *Astro AWANI*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-dbkl-disaran-perluas-bantuan-kepada-penghuni-perumahan-awam-ppr-234272>
- The Star. (2020, Ogos 5). Pilot commits suicide in Serdang after losing job. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/05/pilot-commits-suicide-in-serdang-after-losing-job>
- Yayasan Wilayah Persekutuan. (n.d.). *YWP bantu pesakit pasca COVID-19 kategori 5 di PPR Taman Wahyu 2*. <https://www.yayasanwp.org/single-post/ywp-bantu-pesakit-pasca-covid-19-kategori-5-di-ppr-taman-wahyu-2>
- Zainudin, N. (2021, Februari 28). Bantuan COVID 19 diteruskan di flat PPR Jelatek. *Jabatan Belia dan Sukan Negara*. <https://www.jbsn.gov.my/berita-jbs-negeri-kuala-lumpur/bantuan-covid-19-diteruskan-di-flat-ppr-jelatek.html>